

ABSTRAK

Disertasi ini bertajuk, hafazan sebagai metod pembelajaran bahasa Arab, yang mengandungi fakta-fakta yang membuktikan hafazan adalah kaedah pembelajaran yang berkesan ke arah pemantapan dan pengukuhan bahasa Arab di kalangan pelajar, juga untuk mencungkil semula kaedah pembelajaran yang diamalkan oleh para cendiakawan silam yang mengangkat keunggulan mereka dipersada dunia.

Dalam bab pertama, penulis telah menjelaskan secara ringkas mengenai topik penyelidikan kajian ilmiah ini. Seterusnya penulis memaparkan perumusan masalah yang menjadi persoalan atau objektif kajian, menjelaskan kepentingan kajian serta batas kajian, menyebutkan secara ringkas kaedah-kaedah penelitian yang digunakan di dalam disertasi ini dan akhirnya menyenaraikan rangka kajian bagi kajian ilmiah ini.

Dalam bab kedua pula, penulis membahaskan tentang pengertian hafazan, kepentingan hafazan serta dalil-dalil yang dipetik daripada ayat-ayat al-Quran, hadith, sajak dan kata-kata ulama. Pandangan ulama silam dan ulama semasa juga dibentangkan untuk membuktikan bahawa kaedah hafazan adalah merupakan kaedah asasi dan antara metod yang terulung dibandingkan dengan metod-metod yang lain.

Dalam bab ketiga, paparan tentang status hafazan para ulama di Tanah Arab jua di Semananjung Tanah Melayu. Untuk memudahkan huraian bab ini, penulis telah membahagikan kepada 7 bidang iaitu dimulakan dengan bidang ulama al-Quran Wa al-Qirāāt, ulama tafsir al-Quran, ulama hadith, ulama tauhid, ulama fiqh, ulama tasauf

dan ulama bahasa. Penumpuan diberikan kepada latar belakang pendidikan, apa yang dihafaz dan sumbangan seseorang ulama itu terhadap pembangunan umat.

Di dalam bab keempat, perbentangan tentang makna pendidikan yang dilihat dari aspek tata bahasa Arab, dalil al-Quran dan juga puisi Arab yang mempunyai kaitan dengan perkataan hafazan. Seterusnya penulis juga membahaskan kaitan hafazan dengan penurunan wahyu kepada Nabi (s.a.w), hafazan dalam sistem pendidikan zaman Nabi (s.a.w), zaman khulafā' al-Rāsyidīn, zaman Umayyah, zaman Abasiah dan zaman pendidikan Islam di Nusantara.

Dalam bab kelima, justifikasi hubungan hafazan dan pembelajaran bahasa Arab diperjelaskan, iaitu pembelajaran bahasa tidak terlepas daripada menggunakan method hafazan. Penulis juga membentangkan hubungkait pelajaran bahasa Arab dengan method hafazan. Rentetan daripada itu subjek-subjek yang ada kaitan dengan bahasa Arab dibincangkan, seperti mufradāt, šaraf, nahu, ta'bir, balāghat dan sastera. Namun begitu tajuk-tajuk penting yang melibatkan hafazan sahaja dibahaskan dalam bab ini.

Di dalam bab keenam pula, kesimpulan dan rumusan daripada hasil kajian yang dibahaskan dalam disertasi ini dari fakta-fakta yang terdapat dalam bab kedua, ketiga, keempat dan kelima. Sehubungan dengan itu beberapa cadangan dan saranan dikemukakan sebagai renungan dan diambil manfaat oleh pihak yang berwajib.

which have been memorized and their importance towards the development of the nation.

In the fourth chapter, it will discuss on the meaning of knowledge on the aspect of Arabic grammar, Quranic proves and also the Arabic poems which have the connection with the word "memorization". Furthermore, the writer will discuss on the connection of memorization with the 'wahy' to the Prophet (S.A.W), memorization in the educational systems during prophethood (p.b.u.h) , Khulafa; Ar-Rasyidin, Ummayyah, Abbasiyah and the Islamic educational system in the Malay Archipelago.

In the fifth chapter, it will discuss on the justification between memorization and learning of the Arabic language i.e. memorization is one of the important method in learning the said language. The writer will show its connection between Arabic language and the method of memorization such as in the aspects of meaning (mufrodah), grammar (nahwu and sorof), essay writing (ta'bir), rhetoric (balaghah) and literature (sastera). The writer will discuss on the important topics with regards to the memorization issue only.

In the sixth chapter, the writer will discuss on the findings and conclusions of the research which have been discussed in this dissertation from the facts provided in the previous Chapters i.e second, third, fourth and fifth chapter. As such, the writer will give the opinions and proposals which can benefited the said authorities.